

From: Sekretariat Media MBPJ/MBPJ
To: Media All MBPJ, Media News MBPJ, norazahma@gmail.com
cc: Haniza Abdul Hamid/MBPJ@MBPJ, Zainun Zakaria/MBPJ@MBPJ, Ahmad Iskandar Mohamad Mukhtar/MBPJ@MBPJ

Date: Wednesday, July 08, 2015 04:36PM
Subject: RALAT - KENYATAAN AKHBAR:MAKLUMBALAS KE ATAS LAPORAN MEDIA BERKENAAN LAWATAN YB MENTERI KESIHATAN KE KAMPUNG KAYU ARA, PETALING JAYA PADA 3HB JULAI 2015

Ruj.kami : MBPJ/090100/T/A6/Jld13 (21)
Tarikh : 8 Julai 2015

MAKLUMBALAS KE ATAS LAPORAN MEDIA BERKENAAN LAWATAN YB MENTERI KESIHATAN KE KAMPUNG KAYU ARA, PETALING JAYA PADA 3HB JULAI 2015

1. Merujuk kepada laporan media berkenaan lawatan YB Menteri Kesihatan ke Kampung Kayu Ara, Petaling Jaya pada 3hb Julai 2015 bahawa wabak denggi telah berleluasa disebabkan kekotoran, longgokan sampah, kereta terbiar, semak samun di kawasan perkampungan. Turut dilaporkan bahawa kawasan MBPJ mencatatkan kes wabak denggi paling tinggi di Negara ini. Laporan juga memetik kata-kata YB Menteri bahawa PBT dan dalam hal ini MBPJ tidak mengambil langkah pembersihan yang serius dan Kerajaan sedang mempertimbangkan untuk mengeluarkan kompaun ke atas PBT berkenaan.
2. MBPJ ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada YB Menteri di atas nasihat yang diberikan dan juga keprihatinan beliau ke atas masalah wabak denggi yang meningkat di Negara kita. MBPJ juga ingin menyatakan komitmen Majlis untuk meningkatkan lagi usaha-usaha menangani masalah wabak denggi dan juga kerja-kerja pembersihan. Bersama-sama ini Majlis ingin memberikan respon keatas laporan media tersebut dan memaklumkan langkah-langkah pembersihan dan pencegahan kekotoran yang telah, sedang dan akan dijalankan.
3. Ingin ditegaskan kenyataan media bahawa insiden kes wabak denggi adalah paling tinggi di Petaling Jaya kerana Majlis tidak serius dalam memberikan perkhidmatan pembersihan adalah tidak benar. Statistik yang dikeluarkan menunjukkan bahawa di antara 3 pihak berkuasa tempatan di Daerah Petaling, kes yang dicatatkan di kawasan MBPJ adalah paling rendah. Bagi bulan Januari hingga Jun 2015, sebanyak 4,556 kes telah dicatatkan dimana jumlah ini menunjukkan pengurangan sebanyak 50% daripada jumlah kes yang direkodkan bagi tempoh yang sama pada tahun 2014. Sebagai usaha mengurangkan kes denggi di Petaling Jaya, MBPJ telah pun membuka bilik gerakan denggi serta membuat semburan dan pemeriksaan tempat pembiakan denggi setiap hari. Bagi tahun 2015 MBPJ telah mengeluarkan 258 kompaun dan notis 113, Hot Spot denggi dari 1/1/2015 sehingga 7/7/2015 sebanyak 33 dan jumlah kes 4556 kes dan kematian 11. Seterusnya, bagi menangani masalah wabak denggi dan pembuangan sampah haram, Majlis telah menubuhkan 2 Jawatankuasa Kecil, iaitu Pasukan Petugas Denggi dan Jawatankuasa Kecil Sampah Haram yang diwakili oleh Ahli Majlis, jabatan MBPJ dan agensi kerajaan yang lain. Pasukan Petugas Denggi mengadakan mesyuarat pemantauan setiap 2 minggu sekali bagi mengenalpasti "hotspot" denggi dan cara penyelesaiannya. Manakala Jawatankuasa Kecil Sampah Haram turut mengenalpasti kawasan dan punca pembuangan sampah haram serta cara penyelesaiannya. Selain daripada itu, perlu dimaklumkan bahawa kebanyakan tapak pembuangan sampah haram yang dikenal pasti termasuk tapak yang dilawati oleh YB

Menteri adalah milik persendirian dan tanah rezab dimana lot-lot ini adalah di bawah tanggungjawab pemilik tanah dan agensi-agensi luar. Bagi lot-lot sedemikian, notis di bawah Undang-Undang Kecil Mencegah Kekotoran (MPPJ) 1999 dikeluarkan keatas tuan punya tanah. Bagi tahun ini, sebanyak 3 notis telah dikeluarkan bagi kawasan Kampung Kayu Ara.

4. Menerusi pemantauan yang rapi dan juga penglibatan semua pihak perkepentingan, beberapa pencapaian telah dicatatkan termasuk menghapuskan "hotspot" tempat pembuangan sampah haram di atas tanah lot persendirian dan tanah rezab kerajaan serta tempat yang dijangkakan menjadi lokasi pembiakan nyamuk aedes. Antaranya ialah:-
 - a. Penambahan 6 tempat penstoran sampah daripada 8 sedia ada di sepanjang Jalan Chempaka pada bulan April 2015 telah melihatkan insiden pembuangan sampah secara haram dapat dikawal. Dengan rundingan dan kerjasama seorang pemilik tanah, pembersihan sampah haram daripada sebuah lot tanah persendirian di Jalan Melor pada 25hb Mei 2015 yang lepas dan seterusnya pemagaran lot tanah tersebut telah mencegah pembuangan sampah haram. Baru-baru ini pada 30hb Jun, pembersihan sebuah lot tanah persendirian di Jalan Anggerik telah melibatkan **14 buah** lori dengan muatan **46 tan** sampah dilupuskan. Usahasama sedemikian yang telah melibatkan proses perundingan, kawalan pemantauan dan pencegahan antara Majlis, pemilik tanah, agensi kerajaan dan pihak JKKK akan diteruskan. Adalah dijangkakan "hotspot" daripada keseluruhan 11 jalan utama di Kampung Kayu Ara akan dapat dihapuskan menjelang penghujung tahun 2015.
 - b. Sejak bulan Mac 2015, satu platform komunikasi talian terus menggunakan media sosial yang melibatkan pegawai MBPJ, ahli majlis, wakil JKKK, kontraktor dan agensi lain telah ditubuhkan. Platform ini membolehkan komunikasi dua hala secara serta-merta ke atas aduan dan penyelesaian di ambil dengan kadar segera. Platform ini telah berjaya membantu MBPJ menyelesaikan masalah pembuangan sampah yang berleluasa.
 - c. Kekerapan perkhidmatan kutipan sampah pukal dan sampah kebun telah dipertingkatkan bagi keseluruhan kawasan kampong di mana pengutipan sampah bagi jalan utama dijalankan setiap hari manakala perkhidmatan 2 hari sekali bagi jalan-jalan kecil. Secara purata, jumlah sampah pukal yang dikutip di Kampung Kayu Ara adalah sebanyak 60 tan sebulan.
 - d. Pada masa yang sama, Program CEPA (Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam) akan terus dipergiatkan lagi. MBPJ telah menjadikan Kampung Kayu Ara sebagai kawasan projek perintis 3R anjuran Kerajaan Negeri Selangor yang akan dijalankan pada bulan Ogos akan datang. Sebanyak 2 kali sesi rundingan dengan pihak JKKK, ahli majlis, perunding dan kontraktor telah diadakan pada bulan Mei dan Jun yang lepas bagi membincangkan model perlaksanaan konsep 3R. Risalah perkhidmatan yang menerangkan jadual kerja kontraktor, jenis servis Majlis dan contoh amalan baik pengurusan sisa pepejal turut diedarkan kepada isi rumah. Adalah diharapkan menerusi program pendidikan dan pengasingan sampah yang melibatkan masyarakat, jumlah sampah akan dapat dikurangkan dan pembuangannya dapat dikawal.
 - e. Pasukan Petugas Denggi MBPJ turut menetapkan sasaran untuk mengurangkan 50% kes denggi menjelang bulan September 2015 menerusi tindakan "Search and Destroy" dan kempen kesedaran PJ Bersih yang akan dijalankan 3 bulan sekali.
 - f. Tindakan intipan dan penguatkuasaan termasuk sitaan kenderaan di bawah Undang-Undang Kecil

Mencegah Kekotoran, 1999 MPPJ turut dilaksanakan dengan lebih ketat bagi mencegah masalah dan aktiviti yang menyalahi undang-undang. Pada penggal pertama tahun ini, sebanyak 5 buah kereta terbiar telah ditarik daripada kawasan perkampungan dan tindakan seumpama akan diteruskan.

5. Majlis ingin mengucapkan ribuan terimakasih kepada semua pihak berkepentingan terutamanya JKKK Kampung Kayu Ara, Ahli Majlis Zon, jabatan serta agensi lain yang telah membantu melaksanakan langkah-langkah dinyatakan di atas. Namun tanpa kerjasama dan sokongan masyarakat umum, peniaga, sektor swasta, penjaja dan kontraktor, nescaya langkah-langkah yang diambil tidak akan mencapai sasaran yang ditetapkan. Seiring itu, Majlis ingin menyeru dorongan, kerjasama dan komitmen semua pihak bagi menangani masalah pembersihan yang kita hadapi sekarang.

**Sekretariat Media
Unit Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Petaling Jaya**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil), emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 206/208, Faks : 03-79582695. [Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Unit Perhubungan Awam, Majlis Badaraya Petaling Jaya](#)